

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS NEGERI PULAU PINANG

Program ini merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada bulan Mei 2009 sebagai satu penghargaan kepada warga emas di atas khidmat, bakti dan pengorbanan golongan ini kepada Negeri Pulau Pinang tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan fahaman politik.

SYARAT KELAYAKAN

- i. Pemohon mestilah berumur 60 tahun dan ke atas pada 1 Januari tahun semasa; dan
- ii. Pemohon mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) sebagai pemilih yang mengundi di Negeri Pulau Pinang.

KAEDAH PELAKSANAAN

Pemberian Wang Tunai Sebanyak RM150

Pemohon yang telah disahkan pendaftarannya di bawah Program Penghargaan Warga Emas akan menerima sumbangan sebanyak RM150 setahun. Pembayaran akan dilakukan menerusi 2 (dua) kaedah iaitu sama ada secara tunai ataupun Electronic Funds Transfer (EFT) bergantung kepada kaedah bayaran yang dipilih oleh pemohon.

a. Tunai

Surat panggilan akan dihantar kepada semua penerima terlibat berdasarkan alamat yang didaftarkan. Surat ini turut berfungsi sebagai baucar dan hendaklah dibawa bersama semasa membuat tuntutan. Wang tunai akan diserahkan kepada penerima sebaik sahaja selesai proses pendaftaran bayaran. Bagi penerima yang tidak hadir menuntut, nama mereka akan disenaraikan semula semasa pembayaran fasa berikutnya (Sekurang-kurangnya 2 fasa akan diadakan bagi setiap program).

b. EFT

Pemohon boleh memilih untuk menerima bayaran secara EFT dengan melengkapkan maklumat di ruangan EFT pada borang pendaftaran manual ataupun atas talian. Pemohon diwajibkan untuk melampirkan sesalinan muka depan buku bank/ penyata bank/ penyata mini/ penyata perbankan atas talian yang jelas memaparkan nama dan nombor akaun pemohon.

Tuntutan Sumbangan Kematian

Sekiranya pemohon berdaftar meninggal dunia, sumbangan pengurusan jenazah sebanyak RM1,000 secara *one-off* akan diberikan kepada waris yang didaftarkan sebagai salah satu usaha kerajaan negeri untuk sedikit sebanyak meringankan beban keluarga pemohon (warga emas). Tuntutan sumbangan ini hendaklah dilakukan dalam tempoh 1 (satu) tahun dari tarikh kematian pemohon. Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan yang mele过asi tempoh tuntutan.

MEKANISMA PENGUMPULAN DATA DASAR PENGHARGAAN WARGA EMAS NEGERI PULAU PINANG

PERINGKAT 1

Pendaftaran Warga Emas melalui pengisian borang secara manual atau secara atas talian di portal i-Sejahtera (<https://isejahtera.penang.gov.my/>).

PERINGKAT 2

Semakan dan pengesahan maklumat oleh Pusat Khidmat ADUN dan Pejabat Daerah dan Tanah (termasuk semakan dengan rekod Daftar Pengundi di Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya).

PERINGKAT 3

Pejabat Y.B Exco dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) memantau maklumat / data melalui sistem i-Sejahtera.